

Pemikiran Awang Sariyan Terhadap Konsep *Al-Falah* dalam Akal Budi Melayu

The Thought of Awang Sariyan on the Al-Falah Concept in Malay Wisdom

Zainora Daud¹ & Mashitah Sulaiman²

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

²Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Islam Sains Islam Malaysia

Article progress

Accepted: 1 April 2020

Reviewed: 30 June 2020

Published: 30 November 2020

*Corresponding author:

Zainora Daud

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Email: zainora@usim.edu.my

Abstrak: Pengertian al-falah dalam surah al-Mukminun menggarapkan ciri-ciri mukmin cemerlang ialah yang memiliki kekhusukan dalam solat, menjauhkan perkara-perkara yang melalaikan, menunaikan zakat, menjaga maruah serta kehormatan, memelihara solat, menunaikan tanggungjawab dan sebagainya. Ini bermakna al-falah dalam konteks sebenar ialah mukmin yang melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhkan segala laranganNya untuk mendapat keseimbangan al-falah di dunia dan akhirat. Begitu juga konsep al-falah juga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan setiap individu Muslim. Apakah pemahaman sebenar konsep al-falah dalam akal budi Melayu? Oleh yang demikian, artikel ini hanya mengupas tentang konsep al-falah dalam akal budi Melayu dari perspektif golongan kelas menengah Melayu profesional menerusi pemikiran Awang Sariyan, sebagai seorang tokoh bahasa Melayu dan Kesusasteraan. Artikel ini memfokuskan dari aspek definisi al-falah, faktor-faktor yang menyumbang kepada al-falah dan cabaran-cabarannya yang dihadapi dalam mencapai al-falah. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menerusi analisis tematik dengan penggunaan instrumen temubual. Hasil kajian menunjukkan bahawa definisi al-falah merangkumi kejayaan seimbang, pengorbanan, secara berjemaah, kepuasan diri dan interaksi antara tokoh-tokoh sarjana. Dua elemen penting dalam menghargai konsep al-falah dalam akal budi Melayu ialah kejayaan perlu dikongsi dan istiqamah serta elemen kepuasan diri adalah alat untuk mengukur hasil al-falah. Ibu bapa, guru dan cita-cita, pendidikan jiwa dan program keagamaan merupakan faktor-faktor terpenting al-falah. Manakala cabaran-cabarannya dalam mencapai al-falah ialah kemiskinan, motivasi guru, keselesaan hidup, bekerjasama dalam pasukan, lari dari sistem Islam dan kembali kepada ajaran Islam. Kesimpulannya, pendekatan al-falah yang diamalkan terhadap akal budi Melayu ini memberikan satu kesan positif yang sangat baik dalam konteks kehidupan dunia dan akhirat, diharap konsep al-falah ini dapat dikembangkan dan diadaptasi dalam bentuk modul dan pelan tindakan pembangunan sahsiah dan peribadi Melayu Islam.

Kata kunci: Pemikiran, al-falah, Akal budi, Melayu Profesional, Awang Sariyan

Abstract: The meaning of al-falah in surah al-Mukminun is to work on the characteristics of an excellent believer who has devotion in prayer, avoids things that are neglected, pays zakat, maintains dignity and honor, maintains prayers, fulfills responsibilities and so on. This means that al-falah in the real context is a believer who implements all the commands of Allah and avoids all of His prohibitions to get the balance of al-falah in this world and the hereafter. Similarly, the concept of al-falah also plays an important role in the life of every Muslim individual. Is the understanding

of the concept of al-Falah in Malay mind? Therefore, this article only discusses the concept of al-Falah in common sense from the perspective Malay Malay middle class professionals through thought Awang Sariyan, as a figure of the Malay language and literature. This article focuses on the aspects of the definition of al-falah, the factors that contribute to al-falah and the challenges faced in achieving al-falah. This study is a qualitative study through thematic analysis with the use of interview instruments. The results show that the definition of al-falah includes balanced success, sacrifice, in congregation, self-satisfaction and interaction between scholarly figures. Two key elements of appreciation of the al-Falah in mind Malay is to be shared success and perseverance and self kepuasan element is a tool to measure the al-Falah. Parents, teachers and ideals, mental education and religious programs are the most important factors of al-falah. While the challenges in achieving al-falah are poverty, teacher motivation, comfort of life, working in a team, running away from the Islamic system and returning to the teachings of Islam. In conclusion, the al-Falah practiced against reason Malay gives a positive impression was very good in the context of the life of this world and the hereafter, it is hoped the concept of al-Falah can be developed and adapted in the form of modules and blueprint development of the personality and the Malay Muslims.

Keywords: *thought, al-falah, local wisdom, professional malay, Awang Sariyan*

Pendahuluan

Akal budi bermaksud intelek, daya berfikir, nalar, fikiran yang sihat, bicara dan muslihat. Akal budi yang baik ialah fikiran yang sihat dan fikiran waras (Zainal Abidin, 2002). Akal budi ‘Melayu’ merujuk kepada bangsa yang sedang melalui proses pemerkasaan bangsa seperti yang tercatat dalam karya (sastera moden mahupun karya Melayu klasik). Akal budi Melayu adalah satu konsep yang sentiasa subur dalam ruang lingkup sosiobudaya Melayu. Takrif ‘akal’ dan ‘budi’ dalam konteks Melayu merupakan konsep yang terjelma daripada kearifan, iaitu cara bangsa Melayu berfikir. Berdasarkan kajian-kajian sarjana Islam, ‘akal’ merujuk kepada kemampuan berfikir yang melengkapkan manusia dengan pengetahuan (ilmu); berfikir terhadap segala idea dan perilaku yang diperlukan dalam perhubungan dengan persekitaran serta membolehkan akal melakukan perbezaan antara baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan mereka. Sementara perkataan ‘budi’ bertitik tolak daripada maksud keikhlasan yang lahir daripada hati akibat rasa luluh dan rasa simpati yang terkandung di dalam hati. Sifat daripada rasa kemanusiaan tinggi ini melahirkan budi daripada akal dan kebijaksanaan yang ditanggapi sebagai perbuatan jasa atau berjasa (Shamsudin et. al., 2015).

Survival Melayu dilihat semakin parah akibat dibelenggu pelbagai krisis sehingga menyebabkan bangsa itu lemah di bumi sendiri. Menurut Presiden Teras Pengupayaan Melayu (TERAS), Mohd Azmi Abdul Hamid, orang Melayu harus bangkit melakukan anjakan

paradigma sekiranya enggan terus ketinggalan. Beliau juga menegaskan bahawa survival bangsa Melayu pasti tergugat jika kita berdepan kegersangan keilmuan dan kepimpinan berkualiti. Ini menyebabkan Melayu makin rapuh akibat asakan yang melemahkan Melayu selain disumbang oleh faktor dalaman seperti jati diri yang rapuh (Roslinda Hashim, 2020). Krisis masyarakat Melayu yang seringkali dikaitkan dengan kemiskinan dan kemunduran memerlukan jalan penyelesaiannya. Menurut Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan, Dekan Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), peratusan kemiskinan dalam kalangan orang Melayu di negara ini lebih tinggi berbanding kaum lain. Ini kerana bilangan orang Melayu lebih besar daripada bangsa lain dan ditambah pula dengan kedudukan isi rumah Melayu serta jenis pekerjaan mereka (Hasniza Hussain, 2020). Akhbar *Sinar Harian*, bertarikh 9 Julai 2020 melaporkan bahawa kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat bumiputera, khususnya Melayu di Malaysia lebih tinggi berbanding Cina dan India. Hasil dapatan tersebut diperoleh berdasarkan ukuran kadar kemiskinan yang dibuat merujuk kepada kedua-dua bentuk pendekatan iaitu garis kemiskinan (PLI) dan indeks pelbagai dimensi (DMI). Kemiskinan yang dimaksudkan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Berdasarkan statistik jumlah keseluruhan Kemiskinan e-Kasih Nasional di Kelantan sehingga 16 Februari 2017 menunjukkan daripada seramai 86,875 individu direkodkan, sebanyak 10,371 merupakan individu miskin tegar, selain miskin (40,523 orang) dan mudah miskin (4,171 orang). Angka tersebut terus meningkat sehingga Februari 2018 dengan jumlah keseluruhan seramai 93,

811 individu. Daripada tiga kategori miskin yang dikenalpasti, mudah miskin merujuk kepada golongan yang tinggal di bandar serta kumpulan yang terjejas apabila dilanda musibah seperti pandemik Covid-19 (Hasniza Hussain, *Sinar Harian*, 9 Julai 2020).

Menyedari realiti kedudukan masyarakat Melayu Islam, bangsa tersebut perlu mempunyai wawasan jelas dalam membina masyarakat dan perlu ada usaha untuk berubah ke arah positif, daripada individu hingga peringkat kolektif ummah, seterusnya ke peringkat pentadbiran (Roslinda Hashim, 2020). Seruan *al-falah* menjadi semboyan azan setiap kali waktu solat dan ketika ketika iqomah untuk memulakan solat berjemaah. Namun rahsia di sebalik semboyan dalam azan itu jarang dijadikan rangsangan kuat untuk membangunkan bangsa Melayu di Malaysia (Mohd Azmi, 2019). Islam yang menjadi teras bangsa Melayu, mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku bangsa tersebut. Lantaran itu, makalah ini mengupas pemikiran tokoh bahasa dan persuratan Melayu, Awang Sariyan dalam memaknai istilah *al-falah* atau kejayaan yang berteraskan Islam berdasarkan perspektif akal budi Melayu serta kearifan beliau.

Latar Belakang Tokoh

Awang Sariyan merupakan tokoh golongan profesional Melayu yang terkenal dalam bidang linguistik di Malaysia. Awang Sariyan dilahirkan di Pontian, Johor pada 20 Oktober 1953. Ketokohan beliau terserlah sejak tahun 1992 sehingga kini sehingga diiktiraf sebagai ahli bahasa dalam direktori Persatuan Pengajian Melayu Malaysia dan direktori Penulis Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Kini tokoh bahasa dan persuratan Melayu ini dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (*Berita Harian*, 27 Mei 2020). Sebelum ini beliau dilantik memegang jawatan sebagai Profesor Linguistik dan Perancangan Bahasa di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM). Pengalaman dan sumbangan beliau amat luas dalam bidang Bahasa Melayu dan Kesusastraan, ini jelas dibuktikan dengan pengalaman dalam kerjaya beliau seperti Guru Bahasa Melayu dan Kertas Am, Editor, Ketua Editor di FEP International, Pegawai Penyelidik Bahasa, Editor Jurnal Dewan Bahasa, Pegawai Penyelidik Kanan Bahasa di Dewan Bahasa dan Pustaka, Pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia), Pensyarah dan Penolong Profesor di Jabatan Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Pensyarah Kanan di Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya di Fakulti Bahasa dan Kesusastraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau pernah menjadi anggota jawatankuasa tetap Bahasa Melayu, iaitu badan tertinggi bahasa yang dilantik oleh Menteri Pendidikan, dilantik sebagai

perunding di beberapa Bahagian di Kementerian Pendidikan dan Kementerian lain serta syarikat penerbitan, pemeriksa luar tesis pascasiswazah, editor perunding bagi Jurnal Bahasa DBP, hakim pelbagai pertandingan penulisan dan pengucapan awam dan penatar bahasa dan penulisan di pelbagai jabatan kerajaan, firma swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (PTS, 2019, Awang Sariyan, 2017; 2018). Beliau yang juga merupakan Penyandang Kursi Za'ba Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pernah menjadi Ketua Pengarah DBP pada 2012 hingga 2016) (*Berita Harian*, 27 Mei 2020).

Awang Sariyan sangat gigih mengembangkan serta memperjuangkan bahasa Melayu dan linguistik dalam semua aspek termasuk penerbitan dan pembentangan seminar di dalam dan di luar negara. Hasil tulisannya meliputi lebih 60 judul buku dan kamus, lebih 1000 makalah ilmiah dan umum, puisis serta lebih 200 syarahan, ucap tama, kertas dasar dan kertas kerja di dalam dan di luar negara antaranya Australia, Belanda, Jerman, Perancis, Republik Rakyat China, Indonesia, Thailand, Brunei Darussalam, Singapura, Sri Lanka, Kampuchea, Korea Selatan dan Rusia (Awang Sariyan, 2016). Malahan beliau juga mendapat banyak pengiktirafan dan anugerah seperti Hadiah Persuratan 10 Tahun Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Hadiah Penghargaan Dua Dekad UPM, Hadiah Bahasa PLM-Public Bank, Hadiah Tinta Kencana (Kategori Makalah Ilmiah), DBP, Anugerah Khidmat Cemerlang DBP dan Kesatria Mangku Negara. Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (DBP) dan Ensiklopedia Malaysiana memasukkan biografi ringkasnya sebagai ahli bahasa (PTS, 2019, Awang Sariyan, 2017; 2018; Bernama, *Sinar Harian*, 16 November 2019; *Berita Harian*, 3 Februari 2016).

Awang Sariyan juga aktif dalam aktiviti-aktiviti Bahasa Melayu dan linguistik di peringkat dalam negara, serantau dan antarabangsa, sehingga dilantik sebagai Presiden Persatuan Linguistik Malaysia dan aktif dalam gerakan perjuangan bahasa, menjadi wakil negara dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia (MABBIM), Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), anggota Jawatankuasa Eksekutif, Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) dan Penggerusi Jawatankuasa Kerja Kegiatan majlis tersebut. Sejak tahun 1992 ia dilantik menjadi Perunding Seberang Laut Kementerian Pendidikan Singapura dalam bidang pengajaran bahasa Melayu dan penyediaan bahan pengajaran subjek Bahasa Melayu. (Bernama, *MStar*, 9 Februari 2012). Lantaran itu, kertas kerja ini membincangkan pemikiran beliau melalui konsep *al-falah* dalam akal budi Melayu.

Sorotan Literatur

Perbincangan mengenai konsep *al-falah* banyak dibahaskan oleh para sarjana Islam samaada melalui media massa bercetak dan elektronik. Dari sudut pandang Islam, konsep kejayaan yang ditekankan ialah mendapat keuntungan, kebahagian, kejayaan bukan sahaja di alam dunia tetapi kejayaan tersebut berkesinambungan untuk dikongsi di alam akhirat. Dalam ketertuan ini, *al-falah* ditakrifkan sebagai mencapai kebaikan atau *hasanah* di dunia dan akhirat. Walaupun begitu, kemuncak kepada pencapaian tersebut adalah untuk mendapat *mardhatillah* (Keredhaan Allah SWT), keampunan Allah SWT, rahmat dan perlindungan dari Allah SWT. Golongan manusia yang mendapat nikmat tersebut adalah kelompok manusia yang memperolehi kejayaan yang hakiki atau distilahkan sebagai *al-falah* (Zanatul Shima et al., 2016).

Menurut Ahmad Musthafa Al-Maraghi, *al-Falah* (keberuntungan) adalah tercapainya tujuan yang dicita-citakan, berkat ilham yang diberikan Allah SWT pada orang-orang yang bertakwa untuk menuju jalan keberhasilan. Manakala Syekh Ibnu Qayyim mentafsirkan orang yang beruntung ialah: “Orang yang beruntung sejati adalah orang setiap kali ia bertambah ilmunya, maka bertambah sifat tawadu’ dan kasih sanyangnya, setiap kali bertambah amalnya, bertambah pula rasa takut dan kewaspadaannya, setiap kali bertambah umurnya, maka berkuranglah kerakusannya kepada dunia”.

Konsep kejayaan yang disebut di dalam al-Quran merujuk kepada istilah *al-Falāh* (فلاح) yang merangkumi kejayaan kehidupan di dunia dan juga di akhirat. Menurut al-Qurtubī (1967) *al-Falāh* adalah kemenangan atau kejayaan seseorang yang taat, beramal salih dan bersih dari unsur syirik dengan keimanan yang dimilikinya. Berdasarkan falsafah al-Quran, semua aktiviti manusia harus berpandukan ke arah untuk mencapai kejayaan dalam kesejahteraan hidup di dunia dan juga akhirat (Siddiqi, 1979). Konsep *al-Falāh* ini menurut Kamal Hassan (2013) menggabungkan pembangunan fizikal dan spiritual serta moral yang membentuk keseimbangan dalam mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat. Ini kerana kejayaan atau *al-Falāh* itu juga bergantung kepada tahap moral seseorang yang dicerminkan melalui tingkah laku dalam kehidupan mereka seperti disebut oleh Siddiqi (1979);

“Success lies in being virtuous. The more one’s behaviour is in accord with moral standards and the higher the level of his goodness, the more successful he is. Through his life, in each and every phase of existence, at every step, the Islamic individual is endeavouring to act in harmony with moral value”

Nilai *al-Falāh* atau kejayaan ini menekankan aspek akhlak dan pengabdian manusia dalam segala kegiatan

yang mereka lakukan terhadap Allah SWT. Justeru, dalam konteks pembangunan usahawan Muslim adalah penting pembinaan kualiti diri yang bukan sahaja mampu bersaing dalam kegiatan ekonomi melalui personaliti usahawan (*entrepreneurial skills*) yang cemerlang malah dihiasi dengan nilai dan akhlak mulia berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah. Ia membayangkan pembinaan watak manusia dalam cahaya nilai keislaman, di samping menyediakan suatu standard tentang kehidupan dan persekitaran yang bersih kepada seluruh masyarakat dan pematuhan kepada piawaian syariah dalam tingkah laku sehari-hari (Akram, 2007).

Konsep *al-Falāh* merangkumi lima prinsip iaitu rezeki yang halal, *qanā’ah* (bersyukur atau reda dengan apa yang diperolehi), taufik (petunjuk), *sa’ādah* (kebahagian) dan *jannah* (syurga) (al-Qurtubī, 1967). Kelima-lima prinsip ini membezakan aspek kejayaan dalam konteks Islam dengan yang lain kerana turut menekankan soal kejayaan dan kesejahteraan di akhirat sebagai matlamat utama. Oleh itu, selain aspek keuntungan dan perkembangan perniagaan, kejayaan dalam konteks ini ialah keupayaan usahawan untuk menghayati konsep pengabdian terhadap Allah SWT dan mengamalkannya dalam aktiviti perniagaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Qaṣāṣ ayat 77 yang bermaksud;

وَابْنَعْ فِيمَا آتَيْكَ اللَّهُ أَلَّدَارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ
مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَغْنِيَ الْفَسَادُ فِي
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ



“Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engku melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah)....”

Dengan kata lain, konsep *al-Falāh* dapat difahami sebagai pencapaian yang cemerlang dalam seluruh aspek kehidupan manusia sama ada dari segi ketaatan, kerohanian, kebendaan dan akhlak. Selain itu, kejayaan dalam skop perbincangan ini juga berkait rapat dengan konsep *barakah* (برکة) atau keberkatan. Menurut Mushtaq Ahmad (1999), konsep keberkatan berkait secara langsung dengan tingkah laku manusia, iaitu lebih baik perbuatan seseorang Muslim maka akan lebih banyak keberkatan atau kejayaan yang diterimanya, sebaliknya pula apabila buruk perbuatan seseorang maka akan mengurangkan keberkatan yang akan diterimanya. Keberkatan memberikan jaminan kejayaan secara

spiritual dan ganjaran untuk tingkah laku orang-orang yang bertakwa, tidak kira apa jua keputusan yang mungkin diperolehi dengan jelas dalam masa terdekat. Mushtaq (1999) menyatakan;

"The concept of barakah encompasses the whole spectrum of man's conduct. Therefore, the more righteous the conduct the more the presence of barakah, the more evil the conduct the more the absence of barakah. To be more specific, the concept of barakah provides a guarantee of eventual success and reward for the righteous conduct, no matter what the immediate and apparent result might"

Allah SWT memberi jaminan dalam al-Quran dengan menggariskan tujuh kriteria yang boleh membentuk *al-falah* dalam diri seseorang iaitu beriman dengan Allah SWT, para rasul dan hari akhirat, khusus dalam sembahyang dengan patuh dan takut kepada Allah SWT, menjauhi perkataan keji, maksiat serta perkara-perkara yang melalaikan, menunaikan zakat sebagai salah satu media penyucian jiwa daripada kekotoran dan maksiat, memelihara kehormatan, menunaikan amanah serta janji sama ada perkataan atau perbuatan dan memelihara sembahyang dengan sempurna sama ada daripada aspek masa dan pelaksanaannya (al-Zuhaili, 2003). Ketujuh-tujuh kriteria *al-falah* ini akan memberi ganjaran syurga tertinggi di hari Akhirat (Ahmad Sondhaji, 1992).

Saranan yang terdapat dalam al-Quran terhadap manusia untuk mencapai jalan kejayaan didapati telah meletakkan mekanisme yang tertentu. Secara tipikalnya, mekanisme yang dikenalpasti sebagai formula untuk mencapai kejayaan adalah dengan cara penghayatan terhadap unsur-unsur nilai seperti keimanan yang tinggi, amal soleh, taqwa, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahyu 'an al-munkar*, akhlak yang terpuji dan nilai-nilai luhur murni lain yang diiktiraf dalam setiap perlakuan manusia. Dari aspek psikologikal pula, kejayaan dan kesejahteraan yang diperolehi tersebut akan memberi impak yang positif dalam kehidupan insan seperti mententeramkan jiwa dan pemikiran serta bebas dari perasaan keluh kesah yang boleh memberi pengaruh negatif kepada ruh dan jasad. Justeru itu apabila unsur-unsur nilai yang dinyatakan tersebut diaplikasikan secara konsisten dalam kehidupan manusia, golongan yang demikian disebutkan oleh Allah SWT sebagai golongan yang berhak memperolehi kejayaan dan mendapat rahmat di hari akhirat kelak. Gambaran ini dirakamkan oleh al-Quran melalui firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun 1-11 (Anas, Mohd Rahim & Mohd Shafle, 2009; Syarafuddin HZ, 2009).

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ مَنْ هُنَّ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِيعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُنَّ عَنِ اللَّغْوِ مُعَرِّضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُنَّ لِلرَّكُوعِ قَطِعُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُنَّ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أُرْجَاهِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مُؤْمِنِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ أَبْتَغَىٰ وَرَاهَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لَا يُسْتَهِمُونَ وَعَهْدُهُمْ رَاغُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُرَّ عَلَىٰ صَلَوةِهِمْ مُخَاطِفُونَ ﴿٩﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْأُورَثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ بَرَّأُونَ الْفَرَدُوسَ هُمْ فِيهَا حَلِيدُونَ ﴿١١﴾


Firman Allah SWT yang bermaksud: "1. Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman 2. (iaitu) orang-orang yang khusy' dalam solatnya, 3. Dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, 4. Dan orang-orang yang menunaikan zakat, 5. Dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, 6. Kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau budak yang mereka miliki [budak-budak belian yang didapat dalam perang dengan orang kafir]; Maka Sesungguhnya mereka dalam hal Ini tiada tercela. 7. Barangsiapa mencari yang di balik itu [zina, homoseksual, dan sebagainya]. Maka mereka Itulah orang-orang yang melampaui batas. 8. Dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat (yang dipikulnya) dan janjinya. 9. Dan orang-orang yang memelihara solatnya. 10. Mereka Itulah orang-orang yang akan mewarisi, 11. (iaitu) yang akan mewarisi syurga Firdaus, mereka kekal di dalamnya."

Ayat yang dinyatakan di dalam surah di atas menggambarkan ciri-ciri mereka yang berjaya dan mendapat keberuntungan. Ketujuh ciri atau sifat tersebut dijelaskan oleh Imam Ar-Razi dalam tafsirnya dengan mengikuti urutan. Ketujuh ciri tersebut juga mencerminkan usaha-usaha mereka yang pada akhirnya dapat dinilai sebagai usaha penyucian diri (Fajrul Falah Rahman dan Ahmad Muzakki, 2013: 14-16). Sifat dan usaha-usaha yang dimaksudkan antara lain, ialah:

1. Beriman. Penggunaan kata *aflaha* pada S. Al-Mu'minun (23): ayat 1 adalah dalam konteks pembicaraan tentang penegasan Allah SWT. bahawa orang-orang mukmin pasti memperoleh keberuntungan. Hal ini dapat kita lihat dari beberapa penafsiran tersebut, seperti penegasan yang disampaikan Imam Zamakhsari dengan "nyata bahawa orang-orang yang beriman adalah orang-orang yang beruntung di akhirat ". Penegasan ini juga dapat kita lihat di dalam firman-Nya, "*Qad aflaha al-mu'minun*" **فَدْ أَفْلَحَ** **= المؤمنون** Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman), kerana dalam kalimat tersebut terdapat huruf Qod " **فَدْ** " yang dijelaskan oleh para ulama' mempunyai faedah menetapkan dan menyatakan **(الثبوت والتحقق)**.

Imam Muslim menjelaskan maksud iman meliputi iman kepada Allah SWT, malaikat-malaikat Allah, kitab-kitab Allah SWT, utusan-utusan Allah SWT, hari kiamat, dan iman terhadap putusan dan takdir Allah SWT baik dalam kebaikan ataupun keburukan. Sebagaimana dijelaskan para ulama' bahawa iman adalah pemberian dan pengakuan dalam hati maka orang-orang yang beriman adalah mereka yang percaya dan membenarkan adanya Allah SWT yang mempunyai sifat kesempurnaan, dan membenarkan semua yang disebutkan dalam hadis tersesebut.

2. Khusuk dalam solat. para Ulama' sepakat bahwa sholat yang sempurna bagi seorang hamba adalah sholat yang tidak dalam kealpaan. Dengan tegas Al Quran menyatakan,



"Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang shalat, 5. (yaitu) orang-orang yang lalai dari shalatnya"

Khusyu' adalah perpaduan pekerjaan hati dan anggota badan hal ini dapat kita lihat dari isyarah yang terdapat dari perkataan nabi "لو خش قلب هذه لخشعت جواره", "jikalau khusyu' hati lelaki ini maka anggota badanya pun juga khusyu'" .

3. Menjauhi perkara yang sia-sia atau lagha. Dari Abu Hurairah radhiyahunhu dia berkata: Rasulullah shallallahu`alaihi wa sallam bersabda:
Merupakan tanda baiknya Islam seseorang, dia meninggalkan sesuatu yang tidak berguna baginya. (Hadits Hasan riwayat Tirmuzi dan lainnya). Hal yang tidak berguna meliputi perkara-perkara yang diharamkan, hal yang dimakruhkan, dan hal yang diperbolehan yang tidak bermanfaat, sebagaimana beberapa penafsiran yang dikemukakan para ulama' tersebut.
4. Mengeluarkan zakat. Zakat merupakan salah satu rukun Islam bagi membersihkan hartanya dari hak orang-orang yang berhak menerima zakat. Pembersihan ini juga meliputi pembersihan hati dari sifat kikir, pentingnya

zakat dalam Islam dapat kita lihat dari beberapa ayat yang selalu mengiringi istilah zakat dengan sholat. Dan dalam ayat ini juga dapat dilihat kerana dalam ayat sebelumnya dijelaskan tentang menjauhkan diri dari hal yang tidak mendatangkan manfaat yang dijelaskan oleh Imam Ar Razi bahawa berpaling dari hal tidak bermanfaat adalah termasuk dari beberapa hal yang yang menyempurnakan sholat.

5. Menjaga kemaluan daripada zina. Ini bermakna tidak menggunakan alat kelaminnya kecuali secara sah. Menjaga kemaluan dari perbuatan haram ini dapat kkaitkan dengan memelihara mata dari melihat hal yang dapat membangunkan syahwat, menjaga hati dari memikirkan hal yang dapat membangunkan syahwat, menjaga perut dari memakan makanan yang syubhat dan menjaganya dari kanyalan. Ayat ini memberi isyarat akan besarnya kesan yang akan terjadi jika tidak menjaga syahwat dengan seimbang, kerana ia boleh merosakkan agama dan dunia. Sangat tepat penafsiran bahawa mereka yang menjaga syahwat dari hal-hal yang diharamkan pleh agama termasuk dalam orang-orang yang beruntung.
6. Menjaga amanah dan janji. Amanah memasukkan semua bentuk ibadah, maka dapat dikatakan bahawa beribadah kepada Allah SWT adalah amanah yang harus dijaga dengan menjalankan semua perintahnya dan menjauhi semua larangannya. Ayat ini merupakan ayat yang berlawanan dari sifat munafik yang ketika berbicara bohong, ketika berjanji tidak menepati, dan ketika diberi kepercayaan berkhianat. Orang-orang munafik adalah orang-orang yang rugi dan melakukan kerosakan di atas muka bumi (Al-Quran, al-Baqarah, :8-14). Maka sangatlah tepat termasuk orang-orang yang beruntung adalah mereka yang menjaga amanah dan menepati janjinya.
7. Memelihara dan menjaga solat. Menjaga waktu dalam solat merupakan perkara penting, yang dapat dilihat dalam pernyataan al-Quran yang menjelaskan bahawa solat adalah kewajiban yang mempunyai ketentuan waktunya "إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كَتَبَ اللَّهُ مُؤْقَنًا" sehingga solat yang tidak sesuai waktunya dianggap tidak sah. Jika solat tidak sah sama halnya belum menunaikan kewajiban yang dipertanggungjawabkan, Rasulullah SAW bersabda: kunci masuk syurga adalah solat.

Kalimah *al-falah* sebenarnya digunakan dalam al-Quran bagi merujuk kepada makna bahasa seperti yang dibincangkan oleh ulama dalam bidang bahasa Arab. Sebagai contoh Allah SWT menggunakan perkataan *al-Muflihun* (المُفْلِحُونَ), iaitu orang yang berjaya. Penggunaan perkataan *al-Muflihun* ini jelas ditujukan kepada orang yang berat amal timbangannya (*al-Mu'minun*, 23: 102; *al-'Araf*, 7: 8), orang yang mendapat petunjuk (*Luqman*, 31: 5), orang yang melakukan amar makruf nahi mungkar (*Ali Imran*, 3:104), ikhlas dalam membantu orang miskin dan *ibn sabil* (*al-Rum*, 30:38), orang yang melakukan mujahadah (*al-Tawbah*, 9: 88), orang yang bertakwa, sentiasa mendengar dan mentaati perintah Rasul, dan orang yang suka membelanjakan hartanya (*al-Taghabun*, 64: 16; *al-Nur*, 24:51; *al-Hashar*, 59:9; *al-A'raf*, 7:157), dan tidak mengasihai orang yang menentang Islam (*al-Mujadalah*, 58: 22).

Menurut Nor Sahida dan Sanep (2013), *al-falah* merupakan tujuan sebenar pembangunan dalam Islam. Ia adalah kemuncak kepada setiap tindak tanduk manusia di atas dunia kerana kayu ukurnya yang utama ialah kecukupan fizikal manusia dan ketenangan hidup. Pandangan ini bercanggah dan tidak dipersetujui oleh Kamarul Ariffin dan Mohd Syakir (2018) yang menyatakan bahawa *al-falah* bukan tujuan pembangunan dalam Islam. Sebaliknya, tujuan utama pembangunan ialah untuk mencapai keredaan Allah SWT. Kejayaan di dunia tidak bermakna kejayaan di akhirat. Sebaliknya ia bergantung kepada keredaan Allah SWT (Nazneen dan Syaidatun Nazirah, 2019).

Al-Falah juga mencapai maksud kesejahteraan hidup manusia yang menjadi satu prinsip asas yang mendasari konsep pembangunan modal insan (PMI) 1 berteraskan Islam. Dalam konteks Pembangunan Modal Insan, kesejahteraan dan kedamaian dalam maksud *al-falah* merupakan matlamat kedua selepas pencapaian *mardhatillah*. Seseorang individu yang tidak berpegang kepada prinsip kesejahteraan dan kedamaian bukan sahaja gagal membangunkan akal, jiwa dan dirinya di dunia tetapi turut gagal menempatkan dirinya dalam golongan orang yang mendapat hasanah di alam akhirat (Shohana, 2010).

Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis tematik. Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data menerusi temubual secara semi-struktur sebagai data utama kajian. Menurut Creswell, (1994) menyatakan penyelidikan kualitatif didefinisikan sebagai proses inkuiiri untuk memahami masalah sosial atau masalah manusia berdasarkan gambaran yang menyeluruh dan kompleks, melalui pandangan informan yang mendalam serta dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semulajadi. Asas penyelidikan kualitatif

terletak pada pendekatan interpretif terhadap realiti sosial dan dalam deskripsi tentang pengalaman manusia (Othman Lebar, 2009).

Sampel Dan Kaedah Persampelan

Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini untuk memahami dan mendalami berkaitan akal budi Melayu dalam konsep *al-falah* dalam akal budi Melayu. Menurut Mok Soon Sang (2009), penyelidikan yang memilih sampel berdasarkan ciri khusus di dalam sesuatu aspek kajian kualitatif yang menggunakan persampelan bertujuan untuk memperolehi kefahaman yang lebih mendalam daripada kepakaran peserta dalam bidang khusus kajian.

Golongan professional merujuk kepada golongan yang membabitkan bidang profesional seperti akauntan, jurutera, doktor dan peguam. Manakala, golongan korporat merujuk kepada golongan yang menceburkan diri dalam kegiatan perniagaan, perusahaan dan keusahawanan (Affifuddin Omar, 1996). Bidang korporat adan keusahawanan itu sendiri merujuk kepada lingkungan penglibatan individu yang merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan. Sementara usahawan itu pula merupakan individu yang bertindak berorientasikan tindakan, mempunyai daya kreatif dan inovatif, bercita-cita tinggi dan mempunyai wawasan bagi mencapai sesuatu matlamat (Khairuddin Khalil, 1996). Usahawan juga merujuk kepada seseorang yang mengamalkan sikap ketekunan dalam melaksanakan kerja. Mereka mempunyai keyakinan diri kepada apa yang dihajati serta keupayaan meletakkan arah kepada destinasi yang dituju (Norhayati, 2010).

Jika dilihat dari aspek kajian, ramai pengkaji menggunakan pendekatan pekerjaan bagi mengenalpasti ‘kelas menengah’ di Malaysia. Berdasarkan pendekatan ini, kelas menengah yang utama adalah terdiri daripada golongan pekerja dalam bidang profesional, pentadbiran dan pengurusan. Ketiga-tiga golongan ini memberikan sumbangan yang besar terhadap pembangunan negara, khususnya dalam bidang ekonomi dan politik. Di samping itu, golongan usahawan dan peniaga turut membantu negara mencapai kemajuannya. Muslim kelas menengah daripada golongan profesional, pengurusan dan pentadbiran pula diperhatikan telah mengembangkan ciri-ciri gaya hidup tersendiri yang melambangkan status dan kedudukan mereka sebagai masyarakat Muslim kelas menengah di Malaysia. Golongan ini juga telah membantu perkembangan konsumerisme yang baik dengan membeli barang mewah seperti kereta, rumah, tanah, saham dan lain-lain lagi, bersesuaian dengan gaya hidup masyarakat Muslim kelas menengah yang moden (Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri, 2012). Lantaran itu, pemilihan informan dibuat berdasarkan kriteria-

kriteria tertentu, iaitu golongan kelas menengah profesional dan ahli korporat.

Pengkaji tidak dapat menentukan saiz sampel pada awal kajian dan pemilihan sampel dan analisis data adalah berterusan hingga sampai ke satu tahap di mana tidak lagi ditemui maklumat baru atau maklumat yang diterima sudah bertindan dengan maklumat yang sedia ada. Ini dinamakan sebagai titik ketepuan sesuatu data (Othman Lebar, 2009). Namun untuk tujuan penulisan makalah ini, kupasan dan perbahasan tertumpu kepada aspek pemikiran, akal budi seorang tokoh sahaja dalam mengolah maksud, faktor dan cabaran mencapai *al-falah*.

Instrumen Temubual

Kaedah temubual (pengenalan, bentuk-bentuk temubual), dalam kajian ini penyelidik menggunakan kaedah temubual di mana penyelidik dan informan akan hadir ketika proses temu bual untuk mengumpulkan maklumat. Temubual Bersama-sama informan merupakan data utama dalam kajian ini bagi menjawab objektif kajian. Menurut Mok Soon Sang, (2009) temubual merupakan sesuatu cara yang berupaya memindahkan maklumat yang tulen. Bentuk temu duga yang digunakan oleh pengkaji ialah temu duga semi struktur. Temuduga semi-struktur ialah soalan yang dikemukakan kepada responden disusun dan dijadualkan tetapi responden diberi kelonggaran semasa memberi jawapan. Soalan mungkin diubahsuai dari segi susunan dan cara menyampaikan yang lebih fleksible (Sidek, 2002).

Prosedur Pengumpulan Data

Penyelidikan kualitatif mempunyai kepelbagaiannya bentuk instrumen dalam mengumpulkan data seperti temubual, pemerhatian, rakaman video, dokumen, lukisan, diari, surat khabar, biografi, dokumen sejarah, auto bografi dan sebagainya. Penyelidik boleh menggunakan satu bentuk atau beberapa bentuk atau mengabungkan semua bentuk mengikut isu yang dikaji (Juliet, 2008).

Pengumpulan data melalui temubual semi struktur dijalankan dengan menggunakan persampelan bertujuan. Lantaran itu, informan yang dipilih berdasarkan kategori golongan kelas menengah profesional dan ahli korporat serta bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan proses temubual ini. Juliet, (2008) menyatakan bahawa temubual dan pemerhatian merupakan satu kemahiran yang memerlukan latihan dan praktikal. Walaupun menghadapi kesukaran untuk melaksanakan temubual yang merupakan jangkaan awal bagi pengkaji sama ada daripada aspek masa yang sesuai, keadaaan serta kerjasama dengan pihak informan, namun pengkaji bersiap sedia dengan melakukan beberapa bentuk latihan dalam proses temubual.

Penyelidik telah menemubual informan berdasarkan soalan yang telah dibina secara semi-struktur. Sesi temuramah semi-struktur secara mendalam dirakamkan, dilakukan transkripsi dan dianalisis secara analisis deskriptif dan tematik. Temu bual ini dilakukan selepas membuat temu janji yang telah dipersetujui bersama. Semua informan yang ditemubual telah membentarkan temu bual ini direkodkan dan pengkaji memilih untuk merekodkan temubual. Rakaman temubual dalam kajian ini menggunakan alat perakam suara bertujuan membolehkan rekod yang kekal dan membentarkan pengkaji menumpukan perhatian kepada temu bual tersebut. Data temubual dikumpul dan ditranskrip dengan menggunakan *Microsoft Word*. Pengkaji hanya perlu mengenal pasti isi-isi penting dan kandungan utama temubual secara analisis kandungan dan deskriptif. Seterusnya data-data dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik (Juliet, 2008).

Enam langkah analisis secara tematik (*six steps of thematic analysis*) digunakan untuk menganalisis transkripsi temuramah (Braun and Clarke, 2017; 2006). Braun dan Clarke (2006) menyarankan panduan enam langkah atau fasa yang merupakan rangka yang praktikal dan berguna bagi melaksanakan analisis tematik ini (Maguire dan Delahunt, 2017). Rajah 1 menunjukkan enam langkah analisis tematik seperti diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang menjadi panduan dalam melaksanakan kajian ini.

- Membiasakan diri dengan data (*Familiarize yourself with your data*).
- Meletakkan kod awal bagi data untuk menjelaskan kandungan (*Assign preliminary codes to your data in order to describe the content*).
- Mencari paten atau tema-tema dalam kod merentasi pelbagai sesi temuramah (*Search for patterns or themes in your codes across the different interviews*).
- Menilai semula tema-tema (*Review themes*).
- Mendefinisikan dan menamakan tema-tema (*Define and name themes*).
- Menyediakan laporan (*Produce your report*).

Rajah 1: Enam Langkah Analisis Tematik
Sumber: Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101.

Menurut Clarke dan Braun (2017: 297-298), analisis secara tematik (*Thematic Analysis*) menyediakan prosedur yang sistematis dan boleh dicapai untuk mewujudkan kod dan tema daripada data kualitatif. Analisis tematik didefinisikan sebagai berikut: “*Thematic analysis is a method for identifying, analysing and*

reporting patterns (themes) within data" (Braun and Clarke, 2006). Kod merupakan unit analisis terkecil yang diambil daripada ciri-ciri menarik data yang berpotensi dan relevan dengan persoalan kajian. Kod merupakan blok-blok binaan tema, yang menggambarkan paten makna, disokong oleh konsep yang dibina secara berpusat – iaitu idea teras yang dikongsi Bersama. Tema-tema menyediakan satu *framework* atau rangka bagi tujuan menyusun dan melaporkan pemerhatian pengkaji secara analitikal.

Hasil Dapatkan Dan Perbincangan

Definisi *al-Falah*

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima tema terbitan dalam definisi konsep *al-falah* dari persektif dan akal budi Melayu menurut Awang Sariyan, yang merangkumi:

1) Kejayaan Seimbang

Beliau meletakkan kejayaan seimbang antara jasmani dan rohani, material dan spiritual sebagai perkara utama dalam memaknai konsep *al-Falah*. Ini bermakna dalam mencapai konsep *al-falah* sebenar, setiap insan perlu mengimbangi dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan di akhirat. Sebagaimana dalam petikan tema terbitannya, Awang Sariyan menjelaskan *al-falah* sebagai:

“...Kemudian apabila kita mula mendalam soal-soal agama, dengan makna kehidupan yang lebih hakiki tu, kita mula faham lah bahawa kejayaan atau al-Falah itu bukan hanya soal material, bukan soal kekayaan, bukan soal kemudahan hidup ye tapi soal sakinah, soal kebahagiaan.. itu dan menyebabkan roh kita mencari kejayaan itu dalam konteks yang kita kata seimbang lah walaupun mungkin tak mencapai keseimbangan yang sepatautnya tapi yang kita kejar-kejar tu sekarang tu yang lebih seimbang lah..Itu, universiti sana, kita sudah mula.”

Penyataan Awang Sariyan berkaitan konsep *al-falah* yang mengkehendaki wujudnya keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat ini bertepatan dengan pandangan Nidzamuddin, (2008), bahawa gabungan antara pendidikan rohani atau hati dan fizikal atau jasmani perlu ditarbiah, disuburkan dan disemai dan kedua-dua potensi diri ini akan berkembang dengan sempurna dan menjadi bertambah baik. Dalam proses pembinaan individu Islam, keluarga Islam, masyarakat Islam, negara Islam, dunia Islam dan khalifah Islam perlu mengandungi aspek yang seimbang, bukan didasari dengan landasan kebendaan sahaja, tetapi perlu kepada aspek tauhid, keilmuan dan akhlak juga. Pembinaan peribadi Muslim

merujuk kepada tiga elemen penting iaitu intelektual akal, rohani dan jasmani yang baik (Mustafa Kamil Ayub, 1991). Ini bermaksud bahawa tiada pemisahan antara nilai-nilai rohani dan jasmani, antara moral dan material kerana kedua-duanya merupakan unsur yang bersepadan dan kewujudannya merupakan kewujudan mutlak yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain (Dasuki Ahmad, 1983).

2) Pengorbanan

Awang Sariyan melihat kejayaan dicapai apabila seseorang sanggup berkorban dalam semua segi, iaitu masa untuk aktif terlibat dalam aktiviti berpersatuan dan kemasyarakatan. Ini dizahirkan dalam bentuk penglibatan aktif yang berperanan menggerakkan aktiviti dan program di sekelingnya. Orang yang berjaya sanggup berkorban masa, dan melibatkan diri dalam aktiviti yang memberi manfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat, seperti kata-kata Awang Sariyan bahawa:

“Oleh sebab itu, pengorbanan waktu yang diberikan sewaktu universiti dengan aktif dalam persatuan juga dalam apa ni, menggerakkan kursus-kursus kewartawanan, penulisan dan apa tu menerbitkan akhbar Awang Sariyan, majalah mahasiswa..Itu semua pengorbanan itu yang dibuat kerana kalau kita apa tu, meneruskan pemahaman kejayaan tu sebagai yang tadi, kejayaan zahir, kita tak akan buat itu semua, kegiatan-kegiatan ini..memang..memang biasa habis hampir tiap-tiap malam, pukul 11, 12 baru saya habis aktiviti persatuan..Lepas itu baru boleh nak study..”

Saranan dan pandangan Awang Sariyan ini selari dengan pandangan pakar psikologi moden. Pakar psikologi mendapati bahawa salah satu ciri personaliti orang-orang kelas bawahan yang berbeza dengan personaliti orang-orang kelas menengah ialah kesanggupan menangguhkan kepuasan. Kebanyakan golongan kelas bawahan tidak sanggup menangguhkan kepuasan kerana mereka hendak memuaskan keinginan mereka dengan segera. Mereka tidak mahu menunggu lama sehingga satu masa nanti untuk menikmati kepuasan yang lebih besar lagi, kerana hanya memikirkan kepuasan untuk matlamat jangka pendek semata-mata (Ainon Mohd, 2002). Ini bermakna nilai pengorbanan dalam semua aspek juga mempengaruhi faktor-faktor *al-falah* kerana mereka sentiasa menangguhkan kepuasan dengan berkorban dalam semua aspek untuk mencapai *al-falah* sebenar di dunia dan akhirat. Berbanding dengan golongan kelas menengah, yang lebih melihat matlamat masa hadapan yang lebih besar, sanggup berkorban untuk kepuasan diri, keluarga dan masyarakat serta untuk mencapai kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

3) Secara berjemaah atau amalan kerjasama

Sikap kerjasama menghasilkan kesan yang lebih baik daripada sikap persaingan. Proses perbincangan dalam kumpulan mendorong ahli-ahli kumpulan menemui strategi-strategi lebih berkesan untuk belajar jika dibandingkan dengan proses belajar dengan akal sendiri (Ainon Mohd, 2002). Ini jelas menunjukkan bahawa belajar secara berkumpulan jua menjadi salah satu kosep *al-falah* dalam akal budi Melayu sebagaimana penyataan Awang Sariyan bahawa:

"Setakat saya study tapi seperti saya katakan tadi, berkat kita belajar secara berjemaah tadi, ada, ada kumpulan belajar kita bentuk, itu ternyata lebih berkesan aa berbanding dengan orang yang menjadi ulat buku, belum tentu mencapai kecemerlangan. Kerana secara berjemaah itu kita lebih cepat ingat dan dengan bersoaljawab, membuat kuiz sesama sendiri itu, kesannya sangat besar...."

4) Kepuasan diri

Ciri personaliti yang tidak sanggup menangguhkan kepuasan menyebabkan timbulnya tabiat-tabiat dan sifat-sifat peribadi yang akhirnya mencipta bermacam-macam kegagalan. Tidak hairanlah apabila orang-orang yang tidak sanggup menangguhkan kepuasan akhirnya berada dalam kelas sosial bawahan (Ainon Mohd, 2002). Kepuasan diri di sini bermaksud, mereka sentiasa berusaha dan berazam membuat sesuatu untuk diri sendiri dan kemaslahatan ummah tanpa mengenal erti penat dan lelah walaupun banyak memiliki kejayaan tetapi mereka menangguhkan kepuasan diri untuk kepuasan diri yang lebih besar dalam konteks ummah. Motivasi diri dan dorongan untuk melakukan sesuatu yang baru demi kepuasan semata-mata, bukan disebabkan adanya ganjaran daripada luar seperti hadiah dan arahan (Ainon Mohd, 2012). Hal ini diungkapkan oleh Awang Sariyan seperti kata-kata di bawah:

"Ye..kepuasan diri kita. Kepuasan kita dapat membuat sesuatu, berbakti dalam masyarakat kampus..Dalam masyarakat kampus pulak, berbakti kepada masyarakat di luar kampus jugak aa..Masyarakat di luar, misalnya waktu zaman belajar dulu saya sudah mula hampir tiap-tiap hujung minggu tu naik bas ekspress lah ke Kota Bharu, ke Johor Bahru, ke Pulau Pinang, Terengganu, Kota Baharu sebagaianya untuk mengadakan kursus, ceramah, ceramah motivasi dan bimbingan peperiksaan.

5) Interaksi antara tokoh-tokoh sarjana

Sejarah menyaksikan bahawa intelektualisme Islam adalah merupakan satu tradisi pengkajian ilmu yang luas

merangkumi pelbagai disiplin dan juga mendalam pengkajiannya terhadap sesuatu disiplin tertentu (Mohd Farid Mohd Shahran, 2001). Dengan sebab itu kita perlu berinteraksi dengan tokoh-tokoh sarjana bagi memahami dan menghayati maksud dan konsep *al-falah* sebenar. Malahan setiap individu juga mesti prihatin dan peka dengan orang-orang cemerlang dalam kepakaran masing-masing supaya boleh dijadikan contoh ikutan dalam segala aspek kehidupan. Islam menyeru dan menggalakkan kita supaya menuntut ilmu dan memberi peringatan kepada kita untuk mengelakkan kejahilan, bahkan menjadi kebanyakkan manusia takut dan bimbang melanggar perintah Allah dan yang paling mengetahuinya ialah dalam kalangan ulama yang faqih tentang rahsia-rahsia alam semesta ini serta undang-undang Allah (al-Khatib, 1989). Ini jelas menunjukkan bahawa sifat utama ulama ialah takut kepada Allah SWT, maksud ulama di sini ialah orang-orang yang mengetahui keagungan dan kebesaran Allah SWT. Sebab itulah Rasullah bersabda bahawa baginda adalah orang yang paling takut antara kepada Allah SWT, itu adalah kerana baginda mempunyai makrifat dan pengetahuan yang tinggi kepada Allah SWT. Sebagai ulama mereka sangat arif berkenaan kekurangan diri manusia dan kebesaran Allah SWT serta sifat-sifatnya (Abd Rahman, 2003).

Ini jelas dengan penyataan informan bahawa:

"Interaksi kita dengan tokoh-tokoh sarjana waktu itu banyak jugak membantu menjelaskan makna kehidupan bagi kita..Juga melihat kehidupan pada ketika itu sendiri..Profesor Kamal Hassan walaupun masih agak muda, tapi sudah mula menjadi pangkat abang pada kami dalam gerakan pelajar dalam sebagai tutor masa tu..Tutor di IBKKN, Institut Bahasa Kesusastraan Kebudayaan Melayu di bawah Syed Naquib..Sekarang ATMA lah, IBKKN ye..Pada tahun 93 jadi ATMA jugak.. Itu, pangkat abang-abang kami yang memberikan motivasi. Memberi erti, menjelaskan jugak erti kehidupan yang sebenar".

Elemen Penting Menghargai *al-Falah*

Informan juga membahaskan dua elemen penting dalam menghargai *al-falah* iaitu pertama, kejayaan perlu dikongsi. Menurut Rabiatul Adawiyah et. al, (2008) bahawa integriti individu yang berilmu juga pengukur kepada kejayaan kerana dia sentiasa bersedia menyumbang ilmu kepakarannya kepada orang Islam yang lain dengan ikhlas tanpa membebankan mereka. Dalam hal ini, Awang Sariyan menjelaskan:

“Jangan selfish,, makna jangan mementingkan diri untuk kejayaan peribadi..Kejayaan itu hendaklah diperkongsikan..Jadi, cara berkongsi kejayaan itu termasuklah dengan memberikan, mengorbankan tenaga, fikiran..Itu maksud kalau kadang-kadang orang kita dalam gerakan-gerakan kemasyarakatan)..Itu bagi saya nilai kejayaan yang sangat manis dan sebab itu saya, saya berani mengatakan saya masih istiqamah dalam soal gerakan ini walaupun setengah-setengah orang barangkali “sekali air bah, sekali pasir bergelombang” ye”.

Elemen yang kedua ialah istiqamah. Iltizam dengan mengerjakan amalan atau perbuatan sepanjang masa dituntut dalam Islam (Abd Rahman, 2008). Sebagaimana hadis nabi yang bermaksud “Kedua kaki seorang hamba tidaklah beranjak pada hari kiamat sehingga ia ditanya mengenai:

- (1) Umurnya di manakah ia habiskan,
 - (2) Ilmunya di manakah ia amalkan,
 - (3) Hartanya bagaimana ia peroleh
 - (4) Di mana ia infakkan dan
 - (5) Mengenai tubuhnya di manakah usangnya.”
- (HR. Tirmidzi Hadis No. 2417).

Lantaran itu istiqamah merupakan kunci utama sebagai kayu ukur kepada kejayaan seseorang. Ini bertepatan dengan pandangan Awang Sariyan bahawa:

“Kejayaan kita bertahan..(Berani, berani kerana benar.) serta mempertahankan prinsip dasar..Kalau ikut kepentingan, mungkin kita jadi yes man, kita angguk tapi kita telah menipu diri sendiri..”

Iltizam dengan mengerjakan amalan atau perbuatan sepanjang masa dituntut dalam Islam, sebagaimana hadis nabi yang bermaksud “Kedua kaki seorang hamba tidaklah beranjak pada hari kiamat sehingga ia ditanya mengenai: (1) umurnya di manakah ia habiskan, (2) ilmunya di manakah ia amalkan, (3) hartanya bagaimana ia peroleh dan (4) di mana ia infakkan dan (5) mengenai tubuhnya di manakah usangnya.” (HR. Tirmidzi Hadis No. 2417)

Bahkan dalam mengukur konsep *al-falah* dalam akal budi Melayu ialah bergantung kepada kepuasan diri yang dikecapi hasil daripada segala usaha dan pengorbanan yang telah dilakukan serta terhasil konsep kejayaan atau *al-falah* terhadap kehidupan seseorang Muslim. Sebagaimana yang telah dititipkan oleh beliau:

“Ye..kepuasan diri kita..Kepuasan kita dapat membuat sesuatu, berbakti dalam masyarakat kampus..Dalam masyarakat kampus pulak, berbakti kepada masyarakat di luar kampus jugak .Masyarakat di luar, misalnya waktu zaman belajar dulu saya sudah mula hampir tiap-tiap hujung minggu tu naik bas ekspress lah ke Kota Bharu, ke Johor Bahru, ke Pulau Pinang, Terengganu, Kota Bahru sebagainya untuk mengadakan kursus, ceramah, ceramah motivasi dan bimbingan peperiksaan”.

Faktor *al-Falah*

Faktor-faktor *al-Falah* atau kejayaan di dunia dan di akhirat dalam akal budi Melayu dari perspektif pengalaman Awang Sariyan adalah seperti di bawah.

1) Ibu bapa

Cara seseorang diasuh dan dibesarkan mempengaruhi keperluan-keperluannya (Ainon Mohd, 2002). Cara didikan ibu bapa dan suasana di dalam rumah tangga merupakan faktor paling berpengaruh membina kejayaan individu berbanding faktor genetik. Ibubapa memberi dorongan yang kuat pada bakat kreatif dan kejayaan mereka. (Ainon Mohd, 2002). Ini bertepatan dengan pengakuan Awang Sariyan bahawa:

“Saya masih menganggap satu, bakat ibu bapa tu..walaupun ibu bapa kita susah, miskin, tak dapat memberikan kemudahan yang asas pun..aa tak menyumbangkan wang ringgit yang banyak, tapi saya beranggapan doa mereka dan bimbingan mereka itu sangat .sangat tinggi nilai keberkatannya lah..Tapi kalau dari segi usaha untuk membantu..(Mak ayah Datuk ada lagi?) Mak saya ada lagi.92 tak silap..(92 ye..) Ayah saya meninggal umur 95 waktu saya di Beijing. Saya ditakdir Allah, saya tak dapat nak pulang”.

2) Guru

Allah SWT mengangkat manusia dengan ilmu, ini jelas dengan ayat pertama yang diturunkan membuktikan tentang rahmat pertama Allah SWT dan nikmat pertama Allah SWT yang dikurniakan kepada hambaNya dengan dimulai penciptaan manusia dan diikuti dengan dimuliakan manusia menerusi ilmu iaitu Allah SWT mengajar kepada manusia dengan apa yang tidak diketahui. Inilah yang membezakan manusia dengan malaikat. Allah SWT juga mengangkat orang-orang yang beriman dan golongan berilmu beberapa darajat dalam surah al-Mujadalah, ayat 11 (Sa’id ibn Silan, 1987). Perintah membaca dan hakikat bahawa berfikir dan mengkaji tentang alam ini adalah konsep ilmu yang menjadi asas ajaran Islam (Zaini Ujang, 2009). Ini jelas

menunjukkan guru memainkan peranan penting dalam membentuk al-falah kerana mereka bertindak sebagai agen menyebarkan maklumat, mengajar serta mendidik individu menjadi insan yang berjaya.

Peranan guru sebagai faktor pemangkin dan pencetus kejayaan atau *al-falah* dinyatakan oleh Awang Sariyan seperti berikut:

"Guru-guru, faktor (guru.) Guru ni sangat, bagi saya selain ibu bapa, guru, Apa dia, di Tingkatan Tiga, saya..kami bertiga, saya dan dua orang kawan disyorkan oleh asrama..cikgu saya Tuan Haji Jabir Kamil ye..sekarang di Shah Alam ye..duduk dengan anak dia..Dia walaupun guru yang garang, tapi memberikan motivasi..Dan contoh di kelas, dia guru Bahasa Melayu..Jadi, entah bagaimana, saya pun tak tahu nilai karangan saya macam mana, dia selalu membaca, beliau selalu membacakan karangan saya depan kelas sebagai contoh karangan yang baik..Kita sebagai murid kampung dan yelah, baru Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat, tak tahu apa nilai karangan kita..Tak tahu pun.Tapi bila dibaca depan kelas sebagai contoh karangan yang baik itu, motivasi cukup tinggi..Rupa-rupanya ini dibincangkan dalam common room, bilik guru jugak..Arwah baru dalam setahun, tahun lepas, berapa bulan ye..guru matematik saya, arwah Cikgu Ibrahim Kassim, hantar whatsapp tau masa saya di Beijing, hantar pada Cikgu Jabir, beliau selalu puji-puji saya, membaca karangan..Jadi, maknanya bila kita tahu cerita begitu, memang jadi motivasi kuat lah..penghargaan guru..dorongan guru."

3) Cita-cita

Skrip komitmen merupakan salah satu faktor kejayaan iaitu individu yang mengikat dirinya dengan suatu jadual untuk menghasilkan ganjaran yang sangat positif. Dengan sebab itu, setiap individu mempunyai cita-cita hendak menggapai suatu kehidupan yang ideal dalam kehidupannya. Apabila seseorang itu mempunyai skrip komitmen, dia memiliki matlamat dan objektif yang jelas sehingga seseorang akan bekerja kuat, tabah dan gigih kerana mahu mencapai cita-citanya (Ainon Mohd, 2002), sebagaimana kata-kata Awang Sariyan bahawa:

"Kalau kita tidak bermula dengan cita-cita untuk menjelaskan satu kejayaan atau sesuatu yang hebat, kita tak akan apa..tak akan mungkin menyusun semula struktur ataupun menyemak semula betul tak?. Mengambil contoh lagi waktu saya masuk sahaja Dewan Bahasa, usaha pertama saya buat adalah mengadakan siri muzakarah dengan, waktu itu masih enam kelompok besar lah..Katakan media, kumpulan ilmuhan, semua

bidang ilmu, bahasawan, agamawan, (Agamawan..) dan khusus ahli-ahli agama..tak boleh diketepikan..Jadi, ada enam, saya ingat, enam kelompok besar..Kita buat dalam hampir-hampir seminggu juga..secara bergilir-gilir lah..Tujuannya apa? Tujuannya untuk kita muhasabah apa yang dibuat selama ini, berada di landasan betul..Kalau dah betul maka agak lengkap, kita nak nak tambah baik..penambahbaikan, kita dapat input daripada pakar-pakar dalam".

4) Pendidikan Jiwa

Pra syarat kejayaan di tahap individu Islam ialah perlu ada pemahaman Islam yang jelas, keimanan yang kukuh serta peribadi Islam yang baik. Manakala di peringkat organisasi pula perlu ada sifat berbaik sangka, berkorban, mesyuarat, kritikan membina dan adab yang baik. Kelayakan pelengkapnya adalah hubungan baik dengan Allah, mendekati hari kiamat, peribadi teguh dan mulia, sabra, tegas dan bijaksana. Oleh itu, generasi kini perlu dibina dengan dengan penjiwaan dan penghayatan faham agama dan tidak tenggelam di dalam arus kebendaan (Muhammad Kamil Ayub, 1994). Lantaran itu, pendidikan jiwa berteraskan kefahaman Islam yang kukuh akan melahirkan tindakan yang positif dan amalan yang baik sehingga mampu menjadi pemangkin *al-falah*.

Awang Sariyan juga menekankan kepentingan pendidikan jiwa dalam pembinaan *al-falah* iaitu:

"dengan diri yang rohani..Itu yang menjadi penggerak lingkaran yang di luar, ekonominya, pendidikannya, politiknya, undang-undangnya..Itu digerakkan oleh jiwa di dalamnya, di tengah-tengah sebagai..sebagai pemangkin ye..Aa maka dalam soal organisasi, kita pun mesti bermula dengan jiwa lah..nak mendidik jiwa..Jiwa, terutama orang-orang dipimpin..Orang-orang dipimpin ini pulak ada berbagai-bagai aras..Ada, orang yang dipimpin bertaraf pemimpin jugak".

5) Program Keagamaan

Pembinaan peribadi Muslim dapat dilakukan dengan kuliah-kuliah, usrah-usrah, kursus-kursus, memperbanyakkan pembacaan bahan bacaan serius, menjadikannya tabiat yang berterusan, dialog dan sebagainya (Mustafa Kamil Ayub, 1991). Ini jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan program-program keagamaan mempengaruhi kejayaan (*al-falah*) yang hakiki, sebagaimana kata-kata Awang Sariyan bahawa:

"Kemudian itu, untuk staf pulak, kita isi.. Maknanya pengisian kerohanian tak cukup dengan khutbah mingguan dan khutbah jumaat bagi yang lelaki..tak cukup ceramah ugama oleh

Badan Budaya ataupun oleh pengurusan sekali-sekali kan.. Makna dari rutin tu mesti disepadukan dengan soal-soal agama. Tiap-tiap hari, macam disiplin, disiplin memang”.

Cabaran Mencapai *al-Falah*

Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mencapai *al-falah* sepetimana digariskan Awang Sariyan:

1) Kemiskinan

Allah SWT menyuruh umatNya sentiasa mempunyai nilai-nilai positif dalam kehidupan, hendaklah dia sentiasa berusaha, beramal dan tidak berputus asa. Dan ini merupakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi dengan sentiasa memelihara urusan berkaitan kehidupan, dan menyeru sesama mereka ke jalan kebaikan dan kejayaan dan tidak menimbulkan kerosakan di muka bumi Allah SWT sebagaimana dalam ayat 251 dalam surah al-Baqarah (al-Khatib, 1989). Sehubungan dengan itu, kemiskinan bukanlah satu cabaran yang menyekat kepada kejayaan, namun ramai dalam kalangan golongan Melayu meletakkannya sebagai batu penghalang. Ini jelas sebagaimana pendapat beliau bahawa:

“Ye, sebab bagi saya kemiskinan itu juga menjadi cabaran. Jadi satu asas motivasi untuk kita melakukan mobiliti, mobiliti sosial. Scenario ini timbul di peringkat awal kita. Kalau kita tidak mengubah, yelah..mungkin sesuai dalam ayat ar-R’ad tu kan.. Kalau kita tak mengubah nasib sendiri, nasib satu kaum ni, memang kita tak akan berubah”.

2) Motivasi guru

Guru-guru perlu dengan sengaja merancang bagi membangunkan konsep-konsep diri positif individu dengan memberi sebanyak mungkin maklum balas positif berkenaan bakat dan kebolehan mereka. Sebagai teknik mendorong perubahan tingkah laku nasihat tidak berkesan tetapi nasihat yang berkesan sebagai pendorong ialah nasihat-nasihat yang selaras dengan konsep diri orang dinasihat (Ainon Mohd, 2002).

Awang Sariyan juga menyentuh isu motivasi guru merupakan salah satu cabaran untuk mencapai konsep *al-falah* dalam akal budi Melayu iaitu:

“Satu lagi, motivasi guru jugak. Waktu itu, saya suka mencoret-coret. Tingkatan Satu saya mula buat cerpen, jadi tak ada, tak tahu nak hantar ke mana pun kan.. Jadi, waktu saya Tingkatan Empat tu, pertama kali tulisan saya tu keluar.. bukanlah dalam majalah besar sangat pun.. Utusan Pelajar masa tu, satu-satunya media ataupun surat khabar untuk pelajar. Berita Utusan tapi tak ada masa tu,

tak ada lagi Dewan Pelajar, tak ada Dewan Siswa, tak ada.. Bila keluar artikel saya dengan gambar pulak dalam Utusan Pelajar tu.. Itu, dan Penolong Kanan waktu tu saya ingat lagi, Allahyarham Cikgu Ahmad Parman dalam, dalam assembly ni, perhimpunan.. dia buat, buat pengumuman, dia tunjuk. Inilah kita contoh macam mana murid sekolah kita sudah berjaya menulis, seluruh Negara membaca tulisan dia, dengan gambar.. Jadi, itu pun motivasi, kerana guru, dia ambik berat. Kejayaan murid itu diberikan satu dorongan”.

3) Keselesaan Hidup

Generasi yang sedar mereka tidak punya masa untuk dibuang dengan sia-sia tetapi perlu dipenuhkan dengan persiapan diri dalam meneruskan misi kewujudan manusia di atas muka bumi ini sebagai khalifah Allah, sekaligus mempunyai misi menggilap perjuangan (Mustafa Kamil Ayub, 1994). Ini sejajar dengan tema terbitan bahawa keselesaan hidup menyebabkan manusia lahir dan hanyut dalam mengerjakan amanah yang dipertanggungjawabkan, sebagaimana kata-kata beliau:

“Jadi, sebab itu walaupun.. walaupun kita sedang membina kehidupan yang agak, bukan nak kata mewah, tapi yang agak (selesa) stabil.. Tapi kita boleh, kita tak boleh memberikan kesenangan hidup yang berlebihan dengan anak-anak. Saya sendiri menghadkan belanja anak sekolah berapa, saya pun tak ingat tapi memang sangat terhad”.

4) Bekerjasama dalam pasukan

Oleh kerana bilangan umat Islam di negara ini standing dengan bilangan yang bukan Islam dan kedudukan meeka dalam bidang – bidang ekonomi dan pelajaran lemah maka umat Islam perlu berada dalam satu jemaah atau organisasi yang kukuh yang dapat menyatupadukan sesama mereka untuk mempastikan hasrat mereka tercapai. Organisasi ini adalah merupakan suatu alat atau lambang untuk digunakan bagi mengumpul suatu kumpulan manusia yang bernama Melayu yang serba serbi lemah bagi mencapai cita-cita mulia, besar dan abadi (Dasuki Ahmad, 1983).

Lantaran itu bekerjasam dalam pasukan memainkan peranan yang penting dalam pembinaan *al-falah*, tetapi menjadi salah satu cabaran di kalangan orang Melayu, sepetimana ulasan Awang Sariyan:

“Memanglah letih. letih kita untuk cuba terlibat dengan semua program yang kita rancang, kita atur memang mudah lah.. kita ada idea, kita arahkan saja.. Tapi, nak memastikan keberkesanan.. pelaksanaan idea tu tak akan berlaku kalau kita tak turun padang.. Bagi saya

ketua, Alhamdulillah juga sebagai budaya hidup yang dari awal sudah saya amalkan”.

5) Lari daripada Sistem Islam

Islam memberi pertunjuk dan ajaran serta memberi panduan kepada manusia bagaimana mengasuh dan mendidik jiwa, emosi dan nalurinya supaya menjadi sihat dan aman tenteram dan dapat digunakan untuk kesejahteraan umat manusia. Islam mengasaskan sistem sosial, budaya, politik, ekonomi dan lain-lain di atas dasar perpaduan jasmani dan rohani untuk melahirkan kesejahteraan manusia. Kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Allah SWT di dalam menunaikan ibadat terhadapNya memang bertujuan untuk manusia mencuba mengasuh jiwanya seberapa daya yang mungkin berusaha mengubah unsur-unsur psikologinya dari buruk kepada baik an dari baik kepada yang lebih baik sehingga sampai martabat yang tertinggi (Dasuki Ahmad, 1983).

Dengan sebab itu, apabila kita lari dengan sistem yang telah ditetapkan Islam, banyak perkara dalam kehidupan kita tersasar daripada landasan yang benar. Awang Sariyan juga bersetuju bahawa ini merupakan salah satu cabaran untuk mencapai *al-falah* sebagaimana kata-katanya:

“Mengabaikan landasan yang lari daripada..daripada kitab Allah sendirilah..daripada agama kita sendiri..Kita mengaku Islam itu agama kita tapi dalam beberapa hal, beberapa aspek, kita sebenarnya lari daripada sistem Islam..Bukan kita tak sedar..kita nak katakan darurat sampai bila darurat tu kan..haa..Haa itu bagi saya, kalau kita, kita terimalah bala tu berlaku kerana kita tak mengamalkan sistem kita berdasarkan syariat..Jadi, Allah turunkan ujian, turunkan bala dan sebagainya”.

Kesimpulannya cabaran-cabaran yang mengekang *al-falah* ini juga disokong dengan faktor-faktor yang menyebabkankekangan dalaman dalam pendidikan moral masyarakat Melayu atau budaya Melayu iaitu kurangnya pengetahuan terhadap metodologi pendidikan moral berlandaskan Islam, kurangnya ikatan kekeluargaan, tiada “role model” yang bersifat Islamik dalam keluarga, ukhwah Islamiyyah antara keluarga, jiran dan masyarakat semakin goyah, kemiskinan dan tidak berpendidikan (Mohd Azhar, 2004).

Dari perspektif Awang Sariyan, penyelesaian dan strategi bagi mencapai *al-falah* adalah melalui:

i) Kembali Ajaran Islam

Manusia sebagai makhluk dan hamba Allah SWT mestinya alah menunaikan ibadat kepada Allah SWT tanpa sebarang alasan dan tanpa soal jawab. Dengan menunaikan ibadat, manusia akan mencapai martabat

yang tinggi dalam kehidupan rohani yang memberikan sikap positif dan melatih kekuatan jiwa dan fizikal bagi orang-orang yang menunaikannya. Berdasarkan surah al-Ahzab, ayat 72 bahawa Allah SWT telah memberi kepercayaan kepada manusia untuk memikul amanah sebagai khalifah di muka bumi ini, lantaran itu terdapat garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk manusia turut segala perintah dan tinggalkan segala laranganNya berdasarkan prinsip ketauhidan. Manusia adalah makhluk Allah yang paling sempurna dan lengkap yang baik dan bersih pada asal kejadiannya tetapi manusia boleh jadi haiwan yang paling hina dan rendah martabatnya jika tidak beriman kepada Allah, mengikut hawa nafsu, terkeluar menyimpang dari ajaran Islam dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 4-6, surah al-Tin.

Justeru itu Awang Sariyan menegaskan bahawa:

“Kita kena kembali ke pangkal jalan..Jadi, kalau nak kata nasihat umum, itulah maknanya..Apa hal pun, buruk baiknya, kita istiqamah tak istiqamah, warak tak warak, kita ni religious tak religious, mesti berusaha kembali pada ajaran agama kita dalam semua aspek kehidupan terutama pendidikan”.

Kesimpulan

Konsep *al-falah* menuntut kefahaman individu Muslim untuk menghayati pengertiannya dalam erti kata sebenar dan penyeluruh. Menurut kaca mata Awang Sariyan, *al-falah* merupakan kejayaan yang dicapai secara seimbang bagi kehidupan di dunia dan di akhirat. Untuk mencapai *al-falah* dalam erti kata sebenarnya, ia menuntut pengorbanan daripada seseorang yang boleh berkerjasama dengan orang lain, bagi mencapai kepuasan diri dalam mencapai matlamat masa panjang. *Al-falah* perlu dicapai dengan ilmu pengetahui daripada golongan yang berpengetahuan.

Penghargaan sebuah kejayaan boleh dizahirkan apabila seseorang boleh berkongsi dengan orang lain dan melakukan sesuatu kerja secara konsisten dan beristiqamah. Informan juga berkongsi faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan beliau iaitu, ibubapa, guru, cita-cita, pendidikan agama dan pendidikan. Beberapa cabaran hidup terpaksa diharungi oleh informan sepanjang perjalanan mencapai *al-falah* iaitu kemiskinan, keselesaan hidup, motivasi guru, mewujudkan kerjasama berpasukan, dan lari dari sistem.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan di atas geran *Regional Cluster for Research and Publication* (RCRP) dengan kod

penyelidikan USIM/UKM/RCRP/FKP/052002/71117 yang dijalankan antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Sekalung penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas tajaan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abd Rahman Abdullah. (2003). *Menjadi Intelektual*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahman Obeid Husin. (2010). المحددات النظرية والسلوكية لأخلاق المهنة في الإسلام dalam Pendidikan dari Perspektif Quran dan Sunnah. Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Affifudin Omar. (1996). Usaha wanita dalam konteks Rancangan Malaysia Ketujuh. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Wanita: Kerjaya Keusahawanan dan Keluarga, Kuala Lumpur, pada 3-4 Disember 1996.
- Ahmad Sondhaji Mohmad. (1992). *Tafsir al-Quran ('Ibr al-Athir)*. Pustaka al-Mizan: Kuala Lumpur. Juz 18.
- Ainon Mohd. (2002). *Psikologi Kejayaan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Hikmah*. (2000). No.18, bil.1, Tahun 7. Forum ISTAC: Kuala Lumpur.
- Al-Khatib, Abdullah. (1989). *Mafahim Tarbawiyyah*. Juz.1. Shoubra, Mesir: Dar al-Manar.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad al-Ansari. (1967). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran (Known as Tafsir al-Qurtubi)*. Cairo: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. (t.thn.). *Al-Jami' Al-Shahih Sunan Tirmizi. Tahqiq*: Ahmad Syakir. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi: Beirut, No. Hadis 2417, Jil.4, m.s 612.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2003). *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. Damsyiq: Darul Fikr. Jil.9.
- Anas Mohd Yunus, Mohd Rahim Ariffin dan Mohd Shafle Hamzah. (2009). Ciri-ciri Motivasi dalam Surah al-Mukminun Ayat 1-11. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, Jilid.2, 2009, 147-164.
- Awang Sariyan. (2014). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu*. Batu Caves: PTS Akademia.
- Awang Sariyan. (2016). *Peranan Bahasa dalam Pembinaan Insan dan Pembangunan Negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Awang Sariyan. (2017). *Pemikiran Awang Sariyan dalam Pemartabatan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2018). *Mencari Makna Diri Melayu: Renungan untuk Bangsaku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azaddin, Salem & Khalifa, Azaddin. (2001). Towards an Islamic Foundation of Strategic Business Management.
- Azhar Md Sabil & Ghazali Lateh. (2015). "Pemikiran Akal Budi dan Sosiobudaya Melayu dalam Pendidikan Kesusastraan Melayu". Shamsudin Othman, *International Journal of Education and Training* (InjET) 1(2), November: 1-10.
- Beekun, Rafik Issa. (1997). *Islamic Business Ethics. Human Development Series-2*, The International Institute of Islamic Thought, Herndon, Virginia, U.S.A.
- Berita Harian. (27 Mei 2020). "Awang Sariyan 'pulang ke DBP'". <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693274/awang-sariyan-pulang-ke-dbp>.
- Bernama, "Martabatkan Bahasa Melayu di Universiti: Awang Sariyan", *Sinar Harian*, 16 November 2019.
- Bernama, "Tokoh Bahasa Dr Awang Sariyan Kini KP DBP", *MStar*, 9 Februari 2012. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2012/02/09/tokoh-bahasa-dr-awang-sariyan-kini-kp-dbp>.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101. doi:10.1191/1478088706qp063oa.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic Analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA Handbook of Research Methods in Psychology*, vol. 2: Research Designs: Quantitative, Qualitative, Neuropsychological, and Biological (pp. 57-71). Washington, DC: American Psychological Association.
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. London: Sage.
- Clarke, Victoria & Braun, Virginia. (2017). Thematic Analysis, *The Journal of Positive Psychology*, 12:3, 297-298, DOI: 10.1080/17439760.2016.1262613. <http://dx.doi.org/10.1080/17439760.2016.1262613>.
- Corbin, Juliet & Strauss, Anselm. (2008). *Basics of Qualitative Research 3E*. Sage Publication Inc: California.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Dasuki Ahmad et. al. (1983). *Islam Dari Kaca Mata Intelek*. Cet.1.Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM): Kuala Lumpur.

- Fajrul Falah Rahman dan Ahmad Muzakki. (2013). Motivasi Keberuntungan Dalam Kacamata Islam. Fakultas Syariah, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Hafizah Iszahanid. (3 Februari 2016). "Siapa ganti Awang Sariyan?", *Berita Harian*.
- Hasniza Hussain. (09 Julai 2020). Kadar kemiskinan bumiputera lebih tinggi. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/91331/BERITA/Nasional/Kadar-kemiskinan-bumiputera-lebih-tinggi>.
- Junaini Kasdan. (2015). Unsur Asam Dan Akal Budi Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Seminar Meja Bulat "Simpulan Bahasa Dan Kognitif Penutur", Institut Alam Dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kebangsaan Malaysia. September 2015. 1-22. Doi: 10.13140/Rg.2.2.22917.96488.
- Kamarul Ariffin Ithnan dan Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2018). The ultimate objective of Islamic based development: An analysis of the views of experts. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10): 191–201.
- Khairuddin Khalil. (1996). *Keusahawan Sebagai Kerjaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mashitah Sulaiman, Suhailiza Md. Hamdani, Robiatul Adawiyah Mohd@ Amat, Khatijah Othman, Marina Munira Abdul Mutalib & Roslizawati Mohd Ramly. (2018). Manifestasi Al-Falah dalam Al-Quran melalui Analisis Kandungan Berdasarkan Tafsir Jalalain dan At-Tabari. Prosiding Seminar Kepelbagaian Budaya 2018. Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Anjuran Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, 14 & 15 Disember 2018, 441-471.
- Mashitah Sulaiman, Suhailiza Md. Hamdani, Robiatul Adawiyah Mohd@ Amat (2018). Motivasi Dalam Islam Ke Arah Kecemerlangan: Analisis Manifestasi Al-Falah Dalam Al-Quran Sebagai Pemangkin Kejayaan Hidup Muslim. Prosiding Seminar Kepelbagaian Budaya 2018. Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Anjuran Pusat Kaunseling, Universiti Teknologi Malaysia, 14 & 15 Disember 2018, 441-471.
- Mohd Azhar Abd Hamid et al. (2004). *Wajah Moral Masyarakat Melayu Pascamoden: Antara Realiti, Harapan Dan Gagasan Pendidikan Moral Tinggi*. Fak. Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia, UTM: Johor.
- Mohd Azmi Abdul Hamid. (11 Januari 2019). Membangun Bangsa Al Falah, *Sinar Harian*, <https://www.sinarharian.com.my/article/6794/KO LUMNIS/Membangun-bangsa-al-falah>.
- Mohd Farid Mohd Shahran. (2001). "Satu Pemerhatian Terhadap Beberapa Ciri Intelektualisme Islam". Majalah
- Mohd Kamal Hassan (2013). Islamization of Human Knowledge. Islamic Economics Education in Southeast Asian Universities, 13-50.
- Mohd Zain Mubarak, Asraf Hj Ab. Rahman & Mohd Rafi Yaacob. (2015). Elemen Kerohanian Dalam Keusahawanan Islam: Kajian terhadap Usahawan Berjaya di Negeri Kelantan. *Jurnal of Business and Social Development*. Volume 3(1) 2015: 43-53. ISSN: 2289-2915. Penerbit UMT.
- Mohd Zain Mubarak. (2015). Konsep Keusahawanan Islam; Terminologi, Kerohanian dan al-Falah. Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam dan Keusahawanan Sosial 2015, 10-14 Oktober, 2015, Resort World, Langkawi, Volume: 1, 1-14. https://www.researchgate.net/publication/301651336_Konsep_Keusahawanan_Islam_Terminologi_Kerohanian_dan_al-Falah.
- Mohd Zain Mubarak. (2016). *Keusahawanan Islam, Rasulullah S.A.W dan Sahabat Sebagai Ikon Usahawan Berjaya*. Penerbit UMK: Universiti Malaysia Kelantan.
- Mok Soon Sang. 2009. *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Penerbitan Multimedia: Selangor.
- Mushtaq Ahmad. (1995). Business Ethics in Islam. Academic Dissertations, The International Institute of Islamic Thought and International Institute of Islamic Economics, Islamabad, Pakistan.
- Mustafa Kamil Ayub. (1991). *Gerakan Pelajar Mahasiswa Misi dan Visi*. Budaya Ilmu Sdn Bhd: Petaling Jaya, Selangor.
- Mustafa Kamil Ayub. (1994). *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Petaling Jaya, Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Nazneen Ismail dan Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. (2019). Konsep Dan Keperibadian Al-Falah Dalam Islam. 5 th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019), 5 th & 6th November 2019, Tenera Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia, Organized by Faculty of Islamic Civilisation Studeis. International Islamic University College, Selangor, Malaysia, eISBN 978-967-2122-82-1) 353-372.
- Nidzamuddin Zakaria. (2008). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Satu Tinjauan dan Analisa Pandangannya tentang Konsep Pendidikan Islam dalam Pendidikan dari Perspektif Quran dan Sunnah*. Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia: Nilai, Negeri Sembilan.
- Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan menurut perspektif Islam: Satu analisis awalan. Dlm. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII

- (PERKEM VIII), hlm. 355-370. Johor Bahru, 7 – 9 Jun.
- Norhayati Ab. Rahman. (2010). Imej Wanita Korporat Dalam Teks Kesusastraan Melayu Moden Malaysia: Daripada Lensa Pengarang Wanita. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 21, 2010, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. 196-211.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. UPSI: Tanjung Malim.
- PTS. (2019). *Biodata Awang Sariyan*. https://pts.com.my/penulis/awang_sariyan, diakses pada 15 Jun 2020.
- Rabiatul Adawiyah Mohd @ Amat, Norzulaili Mohd Ghazali & Mohd Zohdi Mohd Amin. 2008. *Pengurusan Ilmu Menurut Perspektif Al-Quran dalam Pendidikan dari Perspektif Quran dan Sunnah*. Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia: Nilai Negeri Sembilan.
- Roslinda Hashim. (31 Ogos 2020). Survival Melayu Semakin Parah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/99041/BERITA/Nasional/Survival-Melayu-semakin-parah>.
- Said ibn Silan, Abi Abdullah Muhammad. (1982). *Fadhl al-Ilm wa Adab Talabatih wa Turuq Tahsilih wa jam'ihi*. Dar al-Ulum al-Islamiyyah: al-Qaherah.
- Shohana Hussin. (2010) *Kesejahteraan dan Kedamaian Melalui Pembangunan Modal Insan :Kajian Teks Hidayah Al-Salikin*. In: Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejagat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- Siddiqi, M. N. (1979). *The Economics Enterprise In Islam*. Markazi Maktaba Islami. New Delhi.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah (1981) Muslim Economic Thinking- A Survey of Contemporary Literature. Islamic Economic Series-1, International Centre for Research in Islamic Economics King Abdul Aziz University, Jeddah and The Islamic Foundation, U.K.
- Siddiqi, Muhammad Nejatullah. (1979). *The Economic Enterprise in Islam*. 2 nd ed. Islamic Publications Ltd., Lahore, Pakistan.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk dan Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Syarafuddin HZ. (2009). Tujuh karakter Mukmin dalam Surat al-Mukminun Ayat 1-11 (Tinjauan dari Berbagai Macam Kitab Tafsir). *SUHUF*, 21(1), 66–82.
- Temubual bersama Prof Dato' Dr. Haji Awang Sariyan bersama pasukan penyelidik USIM pada 1 Jun 2018 (Jumaat, 9.00am), di International Institute of Islamic Civilization & Malay World (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, No. 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Taman Duta, 50480 Kuala Lumpur.
- Upimkmpk, (2019). *Konsep al-Falah*. http://upimkmpk.weebly.com/uploads/tamadun_Islam_1.pdf diakses pada 18 Jun 2020.
- Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri, (2012). Muslim Kelas Menengah di Malaysia: Definisi Serta Sumbangan Dalam Bidang Ekonomi Dan Politik (*Middle Class Muslim In Malaysia: Definition And Their Contributions To Economics And Politics*) dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, 7(2) 2012, 1-39.
- Zainal Abidin Safarwan. (2002). *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Zaini Ujang. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia: Skudai, Johor.
- Zanatul Shima Aminuddin, Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Muhammad Khairi Mahyuddin & Salmah Sathiman. (2016). Exploring the Concept of al-Falāḥ (Success) In Business: An Insight from Muslim Experts. *BEST: International Journal of Management, Information Technology and Engineering (BEST: IJMITE)*, 4(8), 23-36.